

03 JAN 1998

Ghapur-Umno (bergambar)

GHAPUR NAFI WUJUD MASALAH DENGAN PIMPINAN UMNO SABAH

KOTA KINABALU, 3 Jan (Bernama) -- Datuk Abdul Ghapur Salleh yang menarik balik peletakan tiga jawatan pentingnya dalam parti dan kerajaan negeri semalam menjelaskan bahawa beliau sama sekali tiada masalah dengan kepimpinan Umno negeri.

"Saya tiada masalah dalam kepimpinan Umno pada peringkat negeri," katanya ringkas hari ini menjawab soalan pemberita yang ingin tahu sama ada beliau menghadapi masalah dengan barisan kepimpinan Umno negeri.

Ghapur, yang menarik balik peletakan jawatan timbalan ketua menteri, menteri kewangan dan timbalan ketua perhubungan Umno negeri, ditanya demikian sebelum berangkat dari lapangan terbang antarabangsa di sini ke Tawau bagi menjelaskan keputusan beliau itu kepada rakyat kawasannya di Merotai.

Ghapur berkata bahawa beliau menarik balik keputusan itu, walaupun pada awalnya keputusan peletakan jawatan itu muktamad, atas nasihat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mahukannya mengetepikan masalah peribadi bagi membolehkan beliau terus berkhidmat.

Pada 13 Disember lepas, Ghapur mengumumkan peletakan tiga jawatan itu serentak dengan menyatakan alasan masalah peribadi serta kegagalannya menjalankan tugas sebagai anggota kabinet negeri sebagai punca.

Sementara itu Ketua Perhubungan Umno negeri, Datuk Osu Sukam, ketika ditemui di lapangan terbang di sini hari ini menyambut baik keputusan Ghapur itu dan menyifatkannya sebagai satu tindakan yang bertanggungjawab.

"Keputusan Ghapur ini menunjukkan bahawa beliau seorang pemimpin bertanggungjawab, yang meletakkan kepentingan parti lebih daripada kepentingan peribadi," katanya setiba dari Kuala Lumpur di lapangan terbang yang sama, hari ini.

Osu, yang juga Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, bagaimanapun berkata pada masa depan jika Ghapur menghadapi masalah dalam tugasnya, beliau sepatutnya berbincang dengan rakan sejawatan dalam kabinet ataupun dengan kepimpinan Umno.

"Dengan cara ini perpaduan dalam parti dan Barisan Nasional (BN) keseluruhannya akan dapat diperkuatkan lagi," katanya.

Sementara itu ketua pembangkang, Datuk Joseph Pairin Kitingan yang juga Presiden Parti Bersatu Sabah (PBS), ketika ditemui pemberita di lapangan terbang yang sama mempersoalkan kredibiliti BN Sabah yang menurutnya pemimpin-pemimpinnya sering membuat keputusan dan menarik baliknya kemudian.

Sambil menyifatkan kes Ghapur itu menunjukkan pemimpin kerajaan pusat yang menentukan segala-galanya untuk kerajaan Sabah, Pairin berkata Dewan Undangan Negeri perlu dibubar segera bagi membolehkan rakyat menentukan mandat baru.

--BERNAMA

KG NAK